

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2015

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan anak muda yang belum berkahwin untuk mengeluarkan sebahagian wang simpanan KWSP untuk mereka melangsungkan perkahwinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tujuan skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah

untuk menyediakan simpanan persaraan bagi membiayai sara hidup apabila telah bersara kelak. Sehubungan itu, cadangan membenarkan pengeluaran KWSP bagi tujuan menampung perbelanjaan perkahwinan adalah tidak selaras dengan objektif dan prinsip Skim KWSP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan untuk persaraan ahli.